

# Celik MADANI Membina Generasi Labur Masa Depan, Catat Penyertaan 200,000 Pelajar IPT pada Tahun Pertama Pelaksanaan

by Rasheffa Binti Abdul Rashid Ahmad



Tahun 2025 menjadi detik penting dalam perjalanan Program Celik MADANI, apabila inisiatif ini berjaya meletakkan asas kukuh dalam usaha membentuk generasi muda yang lebih bersedia, berdaya tahan dan bertanggungjawab terhadap masa depan kewangan mereka.

Sebagai sebuah inisiatif nasional, Celik MADANI (Program Celik Kewangan Belia MADANI) merupakan inisiatif tempoh lima tahun bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi kewangan serta membentuk generasi yang bermula awal dengan amalan menyimpan dan bijak mengurus kewangan, khususnya dalam kalangan pelajar universiti, demi mencapai matlamat masa depan.

Celik MADANI telah diperkenalkan pada Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim pada Ogos 2024 dan, mula dilaksanakan sepenuhnya bermula tahun 2025.

Setiap pelajar yang layak, menerima RM50 unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM) sebagai wang pelaburan pemula dan dorongan awal untuk memulakan langkah sebagai pelabur yang bertanggungjawab.



Penyertaan sebanyak 27 universiti awam dan Universiti Berkaitan Kerajaan (GLU) dari seluruh negara telah memperkukuh pelaksanaan program ini sebagai satu gerakan nasional yang meliputi pelaksanaan 196 aktiviti literasi kewangan yang melibatkan lebih 134,000 pelajar dalam sehingga suku kedua dan ketiga 2025.

Melihatkan pada kepentingan ini, pada suku keempat, program ini mula diperluaskan kepada pelajar tahun akhir, kerana mereka adalah kumpulan pelajar yang lebih memerlukan bimbingan kewangan kerana bakal memasuki dunia pekerjaan.


Fasa ini seterusnya membuka ruang dialog, pembelajaran dan refleksi tentang kepentingan simpanan, pelaburan dan perancangan kewangan dalam kalangan golongan belia juga penting untuk mempersiapkan belia ini yang bakal melangkah ke alam 'dewasa'.



Dibangunkan dengan matlamat yang melangkaui angka dan statistik, program ini dibiayai melalui sumbangan bersama antara Kerajaan Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM50 juta untuk dimanfaatkan oleh satu juta pelajar dalam tempoh lima tahun dengan sasaran penyertaan 200,000 pelajar setiap tahun.

### Pencapaian Tahun Pertama

Dalam tahun pertama pelaksanaannya, Celik MADANI berjaya mencapai angka sasaran penyertaan iaitu 200,000 pelajar institusi pengajian tinggi, di mana sebanyak RM10 juta pelaburan permulaan telah diagihkan dalam kalangan pelajar universiti.



Mengulas makna Celik MADANI kepada pembangunan negara, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB berkata, "Celik MADANI adalah manifestasi amanah kita kepada generasi muda. Setiap langkah yang memperkenalkan simpanan dan pelaburan di peringkat universiti adalah usaha membina keyakinan, kemandirian dan harapan untuk masa depan mereka. Inilah pelaburan sebenar dalam kemakmuran negara."



"Aspirasi kami adalah untuk membina sebuah generasi yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, tetapi berdisiplin dan berkeupayaan membuat keputusan kewangan dengan bijaksana," katanya.

Sementara itu, YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, pendedahan awal terhadap literasi kewangan menjadikan pelajar lebih bersedia untuk merancang kewangan secara berhemah, membuat keputusan kewangan yang lebih bijak, serta mengurangkan risiko berdepan masalah kewangan pada masa hadapan.

Katanya, pencapaian 200,000 penyertaan juga adalah usaha dan komitmen berterusan daripada pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta Institusi Pengajian Tinggi Berkaitan Kerajaan (GLU) yang yakin dengan pelaksanaan program ini, seterusnya menyumbang untuk merealisasikan inisiatif PNB dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

"Melihat kepada kesan positif program ini dalam tahun pertama pelaksanaannya, saya menyeru agar lebih banyak universiti tampil menyertai Program

Celik MADANI dengan mengambil inisiatif proaktif menganjurkan program literasi kewangan secara berterusan, khususnya melalui kolaborasi strategik bersama ASNB."



"Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan penyampaian ilmu kewangan dilaksanakan secara lebih tersusun dan relevan, malah berpaksikan kepada keperluan sebenar para pelajar." tambah beliau.

Seiring dengan agenda memperkukuh literasi kewangan negara, program ini turut memberi penekanan kepada kepentingan pendigitalan pelaburan melalui penggunaan platform myASNB.

Platform ini menggalakkan penglibatan berterusan dalam kalangan pelajar untuk melakukan transaksi pelaburan melalui aplikasi myASNB - saluran yang selamat, mudah diakses, serta selari dengan minat dan keperluan generasi masa kini.

Pencapaian dan halatuju 2030 akan membantu melahirkan generasi muda yang lebih berpengetahuan dalam membuat keputusan kewangan yang betul, sekali gus mengurangkan risiko masalah kewangan dalam kalangan orang muda, yang juga menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi negara.

### Apa Kata Pelajar?

Program Celik MADANI telah menerima sambutan positif dalam kalangan pelajar universiti dan terbukti memberi kesan yang bermakna dalam membentuk kesedaran serta sikap bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan sejak usia muda.

Menurut mereka program ini membantu meningkatkan kefahaman mereka tentang kepentingan pelaburan sebagai asas kepada kestabilan dan kemampuan kewangan jangka panjang.



Menurut Aiman Izzat pelajar Universiti Malaya, “Melabur untuk simpanan masa depan adalah penting, untuk menjamin masa depan dan kehidupan yang lebih selesa.

**Aiman Izzat**

Beliau berkongsi pandangan bahawa memulakan pelaburan sebagai pelajar menjadi

kelebihan besar dalam membina asas kewangan yang kukuh selepas tamat pengajian.

“Saya mahu membina kewangan yang mampan bagi membantu keluarga terutamanya apabila keadaan menjadi sukar ketika krisis global atau isu kewangan peirbadi,” tambahnya.

Inisiatif pemberian modal permulaan RM50 pula dilihat sebagai pemangkin yang signifikan dalam menggalakkan pelajar untuk mula melabur.

Aiman menyifatkan inisiatif tersebut sebagai permulaan yang sangat baik kerana pelaburan ini akan terus berkembang sehingga ke hari tua.

Pandangan ini turut disokong oleh Irfan, pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut Irfan, “RM50 ini merupakan modal permulaan yang sangat bermakna dan membuka mata pelajar bahawa pelaburan dan pengurusan kewangan sebaiknya dimulakan sejak usia muda.”

Program ini juga berjaya menyemai inspirasi untuk menetapkan matlamat kewangan jangka panjang yang lebih jelas.



“Celik MADANI telah mengukuhkan impian kewangan saya untuk menjadi

**Irfan**

bebas daripada sebarang hutang, mencapai kebebasan kewangan dan mempunyai kemampuan untuk membawa ibu saya melancong,” kata Irfan.



**Cheng Ee Hin**

Sementara itu, Cheng Ee Hin dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berkata, penghargaan terbesar beliau terhadap program ini adalah kesedaran bahawa pengurusan kewangan bukan sekadar mengenai berjimat, tetapi menetapkan impian kewangan yang jelas.

“Saya berhasrat untuk bebas daripada hutang dan membawa keluarganya melancong suatu hari nanti,” katanya.

Secara keseluruhannya, maklum balas para pelajar mencerminkan keberkesanan Program Celik MADANI sebagai platform yang bukan sahaja diterima baik, malah berjaya memperkasa generasi muda agar lebih bertanggungjawab untuk masa depan kewangan mereka.

### Melangkah ke Hadapan

Berteraskan kejayaan awal ini, tahun 2026 akan menjadi fasa pengukuhan dan peluasan bagi Program Celik MADANI. PNB dan ASNB kekal komited untuk memastikan inisiatif ini terus berkembang secara mampan, berimpak dan sejajar dengan keperluan sebenar belia Malaysia.



Antara tumpuan utama adalah memperluaskan capaian program, agar lebih ramai pelajar, tanpa mengira latar belakang, berpeluang menikmati pendedahan awal kepada ilmu kewangan dan pelaburan.

Kandungan program juga akan terus diperkaya dengan pendekatan yang lebih holistik, praktikal dan relevan dengan cabaran semasa, termasuk peralihan ke alam pekerjaan dan pengurusan kos sara hidup.

Dengan sasaran jangka panjang untuk mencapai satu juta pelajar menjelang 2030, Celik MADANI akan terus memainkan peranan strategik melahirkan Generasi Labur yang bukan sahaja celik kewangan, tetapi juga beretika, berdaya tahan dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial serta ekonomi negara.